



Rujukan: UKM.PDF.100-1/3/1

Tarikh : 19 Mac 2020

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 12/2020

**SEMUA WARGA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg.Prof./Prof. Ulung/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN AWAL MENGENAI PENUTUPAN SEMENTARA BEKALAN ELEKTRIK DI KAMPUS UKM BANGI PADA 27 MAC 2020 SEHINGGA 31 MAC 2020 BAGI KERJA-KERJA FIZIKAL YANG KRITIKAL SEPERTI BERIKUT:

- 1. MEMBAIK PULIH KEROSAKAN TRANSFORMER 15MVA NO.1 DI PENCAWANG MASUKAN UTAMA 33KV; DAN**
- 2. PENGGANTIAN 15 UNIT SWITCHGEAR BAHARU DI PENCAWANG PENGAGIHAN UTAMA KOLEJ DATO' ONN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA, BANGI, SELANGOR**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Pihak pengurusan Universiti telah dimaklumkan oleh Prasarana UKM bahawa telah berlaku kerosakan besar terhadap Transformer 15MVA No.1 di Pencawang Masukan Utama 33KV dan juga terdapat kerja fizikal yang kritikal perlu dilaksanakan dengan kadar segera seperti penggantian 15 unit *Switchgear* baharu di Pencawang Pengagihan Utama Kolej Dato' Onn, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

3 Sehubungan itu, pihak pengurusan amat prihatin dan turut merasai kebimbangan seluruh warga kampus lebih-lebih lagi di saat sukar yang sedang kita lalui semasa fasa Perintah Kawalan Pergerakan di seluruh Negara disebabkan penularan wabak pandemik Covid-19 ini.

4. Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM: Kategori Utiliti Bil.1/2020 telah diadakan pada 17 Mac 2020 dan pengurusan tertinggi Universiti telah bersetuju keputusan berikut diambil setelah mengambil kira pelbagai faktor terutama keselamatan:

- Keselamatan dan nyawa warga kampus terutama pelajar yang masih berada di kampus sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan;
- Memberi kesan besar ke atas kelangsungan bekalan elektrik di UKM Kampus Bangi;
- Mengurangkan risiko kerosakan peralatan makmal yang bernilai jutaan ringgit, bahan uji kaji yang bernilai tinggi dan lain-lain seumpamanya; dan
- Kerja-kerja pembaikan hendaklah dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Suruhanjaya Tenaga.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



www.ukm.my

5. Bagi tujuan pelaksanaan kerja-kerja kritikal ini, bekalan elektrik ke hampir keseluruhan Kampus UKM Bangi (*coverage: 85%*) perlu dihentikan (*shut down*) sepenuhnya bermula **27 Mac 2020 (Jumaat)** pada **jam 6.00 petang sehingga 31 Mac 2020 (Selasa)** pada **jam 11.30 malam**.

6. Berikut merupakan senarai Bangunan/ Pusat Tanggungjawab (PTj) yang akan **terus menerima bekalan elektrik** dalam tempoh yang dinyatakan:

a. Kolej Kediaman:

- Kolej Ibu Zain (KIZ)
- Kolej Rahim Kajai (KRK)
- Kolej Pendeta Za'ba (KPZ)

b. Fakulti:

- Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Makmal Tambahan
- Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Rumah Tumbuhan
- Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Rumah Haiwan
- Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Sains Nuklear
- Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Sains Biologi
- Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Sains Fizik
- Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Sains Kimia
- Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Sains Matematik / Geologi
- Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Makmal ABSL
- Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina (FKAB) - Jabatan Kejuruteraan Kimia & Proses
- Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina (FKAB) - Bangunan Inovasi

c. Institut:

- INBIOSIS
- SELFUEL
- SERI
- IMEN
- IPI – Pusat ANGKASA

d. Pusat Perkhidmatan:

- Pusat Teknologi Maklumat (PTM)
- Makmal i-CRIM
- Makmal Bioserasi
- Pusat Kesihatan
- Pusat Islam (Masjid UKM)

e. Tangki Air:

- Tangki Air Utama di KKM
- Tangki Air KIZ
- Tangki Air KPZ

f. Loji Rawatan Kumbahan:

- Pintu Masuk Utama UKM
- Pusat Kesihatan
- FKAB (Pondok Keselamatan)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



www.ukm.my

g. Lain-lain:

- Bangunan UNIKEB
- *District Cooling System* (DCS) Lingkungan 2
- Hotel Puri Pujangga
- Kompleks Bestari
- Dewan Tun Abdullah Mohd Salleh (DTAMS)

PTj yang tidak disenaraikan akan terkesan secara langsung dari segi bekalan elektrik, air, telefon dan internet kampus yang bergantung kepada bekalan elektrik akibat penutupan sementara bekalan elektrik ini.

7. Pihak pengurusan ingin menasihatkan agar warga bertenang dan jangan panik kerana pihak Universiti telahpun mengambil langkah-langkah proaktif seperti berikut:

- a. Pusat Perumahan Pelajar (PPP) akan membantu pelajar yang menginap di Kolej Kediaman terjejas untuk ditempatkan secara sementara ke tiga (3) kolej kediaman yang mempunyai bekalan elektrik (Kolej Ibu Zain, Kolej Pendeta Za'ba dan Kolej Rahim Kajai). Bagi tujuan ini, pemakluman selanjutnya akan dikeluarkan oleh pihak Pusat Perumahan Pelajar (PPP);
- b. Universiti akan menyewa beberapa set generator sebagai memastikan kelangsungan bekalan elektrik di Kolej Kediaman dan lain-lain PTj yang disenaraikan di perenggan 6;
- c. Sepanjang tempoh tersebut, pelajar yang terlibat akan dibekalkan dengan makan tengah hari dan makan malam; dan
- d. Kunjungan secara berkala oleh pasukan Pusat Kesihatan Universiti, Keselamatan dan pengurusan Universiti ke Kolej Kediaman bagi memastikan pelajar dalam keadaan sihat dan selamat.

8. Sehubungan itu, pihak Universiti memohon kerjasama semua pihak bagi kelancaran segala urusan berkaitan perkara ini. Pihak PTj boleh mengemukakan sebarang pertanyaan berkaitan kerja-kerja pembaikan elektrik ini kepada **Encik Mohamad Shahril Hussain, Ketua Unit Elektrik, Prasarana-UKM (03-8921 3085/5078)** manakala pertanyaan berkaitan pelajar boleh diajukan kepada **En. Khaizulnizam Mohamad Zuldin, Timbalan Pengarah, Pusat Perumahan Pelajar (03-8921 4367)**.

Bagi pihak pengurusan Universiti, saya mendoakan semua warga akan sentiasa diberikan ketabahan dan kekuatan untuk menempuhi tempoh sukar ini. Kita akan bersama melaluinya dengan penuh kesabaran. Kerjasama dan perhatian YBhg./Prof./Prof. Ulung/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/ Puan adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

'Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti'

Yang benar,



DR. HJH. INA MD YASIN

Pendaftar

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM: Kategori Utiliti



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



www.ukm.my

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Tmbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang
 - Pengarah Prasarana-UKM
 - Merangkap Setiausaha Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM: Kategori Utiliti
 - Pengarah Pusat Pengurusan Risiko, Kelestarian & Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



www.ukm.my